

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

KEDAH 2023

1. Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri faktor pengeluaran

Alat ciptaan manusia yang digunakan dalam proses pengeluaran

- a) Jelaskan faktor pengeluaran tersebut

Modal. Ganjaran kepada faktor modal ialah faedah. Modal seperti peralatan dan mesin mempunyai mobiliti geografi yang tinggi kerana ia mudah dipindahkan dari satu tempat ke tempat yang lain. Namun begitu modal seperti bangunan tidak mobil. Modal menjadi penggerak dalam proses pengeluaran

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi

Mekanisma pasaran bersama kerajaan memainkan peranan penting dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan

- i. Nyatakan sistem ekonomi negara tersebut.

Sistem ekonomi campuran

- ii. Mengapakah kerajaan terlibat dalam sistem ekonomi tersebut

- Untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan
- Untuk merapatkan jurang pendapatan masyarakat
- Bagi mewujudkan kestabilan ekonomi
- Bag mengurangkan kesan eksternaliti seperti masalah pencemaran.

NEGERI SEMBILAN 2023

2. Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis faktor pengeluaran

Faktor pengeluaran	Keterangan
A	Mempunyai mobility kegunaan
B	Melancarkan proses pengeluaran barang

- a) Kenalpasti A dan B

A. Tanah

B. Modal

- b) Jelaskan ciri lain bagi kedua-duanya

A. Sumber anugerah alam semulajadi yang mana penawarannya terhad. Nilainya boleh meningkat dalam jangka masa Panjang. Ganjarannya ialah sewa.

B. Merupakan alat ciptaan manusia. Ianya mempunyai mobility geografi. Penawarannya terhad. Ganjarannya diperoleh dalam bentuk faedah.

- c) Bagaimanakah ekonomi islam menjadi sebahagian sistem hidup masyarakat
- Keputusan ekonomi dibuat berdasarkan syariat seperti mana terkandung dalam Al Quran dan Hadis
  - Al Falah iaitu kebahagiaan di dunia dan di akhirat
  - Semua kegiatan ekonomi adalah ibadah
  - Diberi ganjaran pahala di akhirat
  - Pengeluaran barangan untuk umat manusia
  - Aktiviti haram dilarang
  - Menegah pembaziran faktor-faktor pengeluaran
3. Maklumat berikut menunjukkan kos yang ditanggung oleh firma Zara untuk mengeluarkan dua jenis barang.

Minyak wangi	Pewangi kereta
RM 300,000	RM 330.00

Bagaimanakah firma tersebut menyelesaikan masalah ekonomi jika mempunyai modal sebanyak RM 500,000?

Firma Zara mengalami masalah kekurangan modal sebanyak RM 500,000. Mereka perlu membuat pilihan untuk memaksimumkan untung. Jika mereka memilih minyak wangi. Pewangi kereta sebagai barang kedua terbaik terpaksa dilepaskan (kos lepas).

**SELANGOR 2023**

4. Perbualan berikut antara Puan Alinah dan anaknya di sebuah pasar raya.

Siti:	Wah, cantiknya kasut sukan dengan beg sekolah di sini! Siti nak beli kasut sukan dan beg sekolah lah.
Ibu:	Tak boleh Siti. Mak tak cukup duit. Kalau macam tu. Siti beli kasut sukan je la. Minggu depan siti nak sukan.

- a) Mengapakah Puan Alinah bertindak sedemikian.

Puan Alinah adalah isi rumah. Dia mengalami kekurangan pendapatan. Dia terpaksa memilih kasut sukan untuk memaksimumkan kepuasan anaknya. Kos lepas ialah beg sekolah iaitu barang kedua terbaik dilepaskan.

- b) Maklumat berikut berkaitan satu sistem ekonomi.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kerajaan campur tangan dalam penentuan harga.</li> <li>▪ Pengguna bebas membuat pilihan barang.</li> </ul> |
|---|

- i. Tentukan jenis sistem ekonomi tersebut.

Sistem ekonomi campuran

- ii. Bagaimanakah sistem ekonomi tersebut menentukan perkara berikut?

- Jenis barang - berkaitan dengan persoalan “apakah jenis barang yang dikeluarkan?” Jenis barang bergantung kepada permintaan masyarakat contohnya firma mengeluarkan barang ekonomi manakala kerajaan mengeluarkan barang awam
- Kaedah pengeluaran - berkaitan dengan persoalan “bagaimana barang hendak dikeluarkan?” Memilih teknik paling cekap sama ada berintensif modal atau berintensif buruh. Firma swasta menggunakan teknik yang dapat

memaksimumkan keuntungan dan meminumkan kos. Kerajaan menggunakan teknik yang dapat memaksimumkan kebajikan.

**PERAK 2023**

5. Maklumat berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi

Syarikat Firus Sdn. Bhd berhasrat mengeluarkan keluaran terbaharu dengan peruntukan sebanyak RM 10 juta

- Mesin melipat pakaian - RM 10 juta
- Mesin basuh pinggan mangkuk - RM 98 juta

a) Jelaskan konsep kekurangan, pilihan dam kos lepas yang dihadapi unit ekonomi tersebut.

Unit ekonomi tersebut ialah firma [Syarikat Firus Sdn Bhd]. Firma tersebut mengalami kekurangan modal berupa peruntukan sebanyak RM 10 juta. Kekurangan yang dialami menyebabkan pilihan terpaksa dibuat antara mengeluarkan mesin melipat pakaian RM 10 juta atau mesin basuh pinggan mangkuk RM 9.8 juta. Pilihan yang dibuat itu perlu memberikan keuntungan yang maksimum. Pilihan yang dibuat akan mewujudkan kos lepas yang mana projek kedua terbaik yang perlu dilepaskan. Jika mesin melipat pakaian dipilih, kos lepas ialah mesin basuh pinggan mangkuk.

(4 markah)

b) Maklumat di bawah berkaitan dengan satu keadaan di sebuah negara

Kerajaan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat terutama golongan B40.

i. Jelaskan sistem ekonomi tersebut

Sistem ekonomi campuran di mana individu dan firma bebas memiliki faktor-faktor pengeluaran tetapi ia tertakluk pada kawalan Kerajaan melalui undang-undang dan peraturan. Pengguna dan pengeluar bebas membuat Keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi. Kerajaan tidak mengeluarkan barang yang dikeluarkan oleh pihak swasta.

(3 markah)

ii. Mengapakah kerajaan campur tangan dalam sistem ekonomi di (b)(i)?

- Membekalkan barang awam dan barang sosial kepada masyarakat.
- Menstabilkan ekonomi negara.
- Merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat.
- Mengurangkan kesan eksternaliti negatif.
- Meningkatkan taraf hidup rakyat.
- Memaksimumkan kebajikan rakyat.


(3 markah)

6.

a) Beri takrif bagi ilmu ekonomi

Ilmu ekonomi ialah satu bidang sains sosial yang mengkaji tentang cara manusia mengurus sumber ekonomi yang terhad untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.


b) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik S.

Pada titik S berlaku keadaan kombinasi pengeluaran yang tidak cekap dan pembaziran sumber ekonomi. Faktor-faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya. Ekonomi tidak mencapai guna tenaga penuh. Berlaku masalah pengangguran.


7. Rajah 2 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma



Berdasarkan rajah tersebut, jelaskan pengeluaran pada titik X.

Pada titik X, berlaku masalah ketidakupayaan ekonomi. Masalah kekurangan sumber ekonomi. Pengeluaran tidak boleh dicapai. Firma perlu menambah Tingkat teknologi contohnya mesin dan jentera. Titik X berada diluar keluk kemungkinan pengeluaran.

8. Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma



Jelaskan kombinasi pengeluaran di titik Y.

Titik Y berada di atas keluk kemungkinan pengeluaran. Titik Y adalah batas maksimum pelbagai kombinasi pengeluaran. Semua faktor-faktor pengeluaran digunakan dengan cekap dan tiada pembaziran sumber ekonomi. Tingkat pengeluaran pada guna tenaga penuh. Sebarang penambahan pengeluaran kereta hanya boleh dilakukan dengan melepaskan pengeluaran motosikal (kos lepas).

9. Gambar berikut menunjukkan sumber ekonomi yang terlibat dalam proses pengeluaran



- a) Huraikan sumber ekonomi tersebut
- Buruh – merupakan individu yang menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran. Terbahagi kepada buruh mahir dan buruh separa mahir. Buruh menerima ganjaran dalam bentuk upah.
  - Modal - merupakan alat ciptaan manusia yang digunakan dalam proses pengeluaran. Sebahagian modal mempunyai mobiliti geografi yang tinggi seperti mesin dan jentera namun ada juga sebahagian modal yang kurang mobil seperti bangunan. Ganjaran kepada faktor modal ialah untung.
- b) Huraikan kelemahan Sistem Ekonomi Pasaran Bebas.
- Mewujudkan masyarakat yang materialistik
  - Mewujudkan ketidakstabilan ekonomi akibat turun naik harga pasaran
  - Agihan pendapatan yang tidak setara antara golongan kaya dan miskin
  - Mewujudkan kuasa monopoli firma besar terhadap firma kecil dan baru dalam pasaran
  - Mewujudkan eksternaliti negatif seperti pencemaran alam sekitar.

10. Maklumat berikut berkaitan dengan satu faktor pengeluaran

Maklumat A	Maklumat B
Bekerja dengan orang lain untuk memperoleh ganjarannya	Mengusahakan perniagaannya dengan sendiri untuk memperoleh ganjaran

Bezakan dua faktor pengeluaran yang terlibat

- Maklumat A ialah buruh manakala Maklumat B ialah usahawan.
- Buruh ialah individu yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran manakala usahawan ialah individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- Buruh tidak mengguna atau mengeluarkan barang dan perkhidmatan manakala usahawan mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- Buruh tidak menanggung risiko manakala usahawan menanggung risiko
- Buruh menerima upah sebagai ganjaran manakala usahawan menerima untung sebagai ganjaran

11. Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri sistem ekonomi bagi negara A.

Individu mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam menikmati pelbagai pilihan barang.

Jelaskan kekurangan sistem ekonomi tersebut.

Negara ini mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas/kapitalis/*laissez faire*

- Mewujudkan masyarakat yang materialistik/ mementingkan kebendaan
- Mewujudkan ketidakstabilan ekonomi
- Berlaku kenaikan harga barang/ kemelesetan ekonomi
- Agihan pendapatan yang tidak setara
- Jurang pendapatan membesar antara kaya dengan miskin
- Mewujudkan kuasa monopoli oleh syarikat yang besar
- Firma kecil tidak boleh bersaing dengan firma besar
- Wujud kesan luaran yang negatif seperti pencemaran alam sekitar.

**TERENGGANU 2023**

Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan di negara Z.

Kerajaan wajar campur tangan dalam aktiviti ekonomi agar kebajikan masyarakat terjamin

Setujukah anda dengan tindakan kerajaan tersebut? Berikan alasan anda

Setuju kerana kerajaan membekalkan barang awam seperti sekolah dan hospital. Barang awam diagihkan secara adil dan saksama. Campur tangan Kerajaan melalui pelaksanaan dasar harga maksimum yang membolehkan masyarakat menikmati harga barang dan perkhidmatan yang lebih murah. Selain itu, kerajaan juga campur tangan dari segi kawalan terhadap eksternaliti melalui penguatkuasaan undang-undang.

**PULAU PINANG 2023**

12. Maklumat berikut berkaitan dengan satu peranan kerajaan dalam ekonomi

**KUALA LUMPUR** – Campur tangan kerajaan menerusi subsidi dan kawalan harga telah membantu mengekang inflasi di Malaysia yang tanpanya negara mungkin mencatatkan angka lebih tinggi berbanding inflasi keseluruhan 4.4 peratus pada Julai, kata ahli-ahli ekonomi.

Sumber diubah suai: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/30> Ogos 2022


Mengapa kerajaan mengambil tindakan tersebut>

Bagi mewujudkan kestabilan ekonomi. Merapatkan jurang pendapatan masyarakat. Mengurangkan eksternaliti negatif. Mengawal harga barang dan perkhidmatan. Melaksanakan program ekonomi awam. Membekalkan barang awam.

BAB 2: PASARAN

PERAK 2023


1. Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan dan keluk penawaran pasaran sesuatu barang



- a) Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM 80.

Berlaku ketidakseimbangan pasaran (harga pasaran > harga keseimbangan). Kuantiti penawaran pasaran ialah 25 unit dan kuantiti permintaan 15 unit. Wujud lebihan penawaran ( $Q_s > Q_d$ ) sebanyak 10 unit. Harga cenderung turun ke titik E iaitu dari RM 80 kepada RM 70. Pengguna akan menambahkan permintaan dari 15 unit ke 20 unit manakala pengeluar akan mengurangkan penawaran dari 25 unit ke 20 unit.

- b) Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan bagi dua jenis barang



Rajah 2

Jelaskan keputusan yang harus diambil oleh firma untuk meningkatkan jumlah hasil bagi kedua-dua barang tersebut.


- Barang E ialah anjal dengan keluk yang landai manakala Barang F tidak anjal dengan keluk yang curam.
- Barang E mempunyai nilai keanjalan  $E_d > 1$  manakala Barang F tidak anjal. mempunyai nilai keanjalan  $E_d < 1$ .
- Bagi Barang E, peratus perubahan kuantiti lebih kecil daripada peratus perubahan harga. Manakala, Barang F peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada perubahan harga.
- Bagi meningkatkan jumlah hasil, Barang E diturunkan manakala bagi Barang F pula, harga dinaikkan.
- Pengguna Barang E sangat responsif terhadap perubahan harga manakala pengguna Barang F lebih responsif perubahan harga.
- Penurunan harga Barang E yang sedikit menyebabkan peningkatan kuantiti diminta yang lebih besar manakala peningkatan harga Barang F yang sedikit menyebabkan penurunan kuantiti diminta yang lebih besar
- Contohnya : Barang E – barang mewah, Barang F – barang keperluan

KEDAH / KELANTAN 2023

2. Jadual 1 menunjukkan penawaran suatu barang Y

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan
6	10
4	6
2	4

- a) Dengan menggunakan kertas graf. Lukis keluk penawaran dan jelaskan hukum penawaran bagi barang Y berdasarkan jadual tersebut



Keluk penawaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan. Hubungan antara harga dengan kuantiti diminta adalah positif dimana harga meningkat, kuantiti ditawarkan juga meningkat.

b) Gambar 1 menunjukkan sejenis logam berharga



Jelaskan penentu keanjalan harga permintaan bagi jenis barang tersebut.

Barang tersebut adalah barang mewah. Bawah mewah mempunyai pekali keanjalan harga permintaan yang anjal. Keanjalan harga permintaan barang itu ditentukan oleh faktor jangka masa pengeluarannya yang panjang. Barang itu juga mempunyai banyak barang pengganti. Nisbah perbelanjaan isi rumah juga adalah besar terhadap barang itu. Barang tersebut lebih tahan lama dan mempunyai banyak kegunaan.

**NEGERI SEMBILAN 2023**


3. Jadual berikut berkaitan dengan penawaran dua buah firma dalam pasaran

Harga (RM)	Penawaran pasaran	
	Firma Y	Firma W
6	300	700
8	500	1,000
10	600	1,200

Jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran

- Keluk penawaran dibentuk dengan cara menjumlahkan secara mendatar penawaran Firma Y dan Firma W pada setiap tingkat harga dalam jangka masa tertentu.
- Pada tingkat harga RM 6, kuantiti ditawarkan ialah 1,000 unit [300+700] unit
- Pada tingkat harga RM 8, kuantiti ditawarkan ialah 1,500 unit [500+1,000] unit
- Pada tingkat harga RM 10, kuantiti ditawarkan ialah 1,800 unit [600+1,200] unit
- Setiap titik titik kombinasi antara dan kuantiti ditawarkan disambungkan membentuk keluk penawaran pasaran yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- Tingkat harga dan kuantiti ditawarkan adalah berhubungan secara langsung (positif)

4. Dengan menggunakan rajah, jelaskan hukum permintaan bagi sesuatu barang.



Menurut hukum permintaan. Apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan menurun. Apabila harga meningkat dari RM 3 kepada RM 5, kuantiti menurun dari 15 unit kepada 10 unit. Apabila harga menurun, kuantiti diminta akan meningkat. Apabila harga menurun dari RM 5 kepada RM 3, kuantiti meningkat dari 10 unit kepada 15 unit. Keluk mencerun ke bawah dari kiri ke kanan. Hubungan harga dengan kuantiti ialah hubungan songsang atau negatif.

5. Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan bagi barang A.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
5	20
10	30

Hitungkan pekak keanjalan harga penawaran apabila harga meningkat dari RM 5 kepada RM 10

$$E_d = \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times \frac{P_0}{P_1 - P_0}$$

$$E_d = \frac{30 - 20}{20} \times \frac{5}{10 - 5}$$


$$E_d = 0.5$$

Terangkan penentu keanjalan harga penawaran barang tersebut.

Barang tersebut adalah kurang anjal. Pekali keanjalan harga penawaran barang itu dipengaruhi oleh

- Tamabahn kos yang besar
- Faktor pengeluaran sukar diperoleh
- Jangka masa yang pendek
- Bilangan firma yang menawarkan barang dan perkhidmatan sediki
- Mobiliti faktor pengeluaran yang rendah

6. Rajah berikut berkaitan dengan permintaan suatu barang




Jelaskan strategi firma untuk memaksimumkan keuntungan jumlah hasil barang tersebut.

Firma tersebut perlu meningkatkan harga. Permintaan itu adalah tak anjal dengan pekali keanjalan  $E_d = 0.33$ ,  $E_d < 1$ . Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti. Kenaikan harga 10% menyebabkan pengurangan kuantiti sebanyak 3.3%. Jumlah hasil asal ( $RM\ 2 \times 3$ ) =  $RM\ 6$  apabila harga dinaikkan. Jumlah hasil meningkat kepada ( $RM\ 4 \times 2$ ) =  $RM\ 8$ . Jumlah hasil bertambah sebanyak  $RM\ 2$ .

PAHANG 2023

7. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Bezakan kedua-dua rajah tersebut

- Rajah 1 menunjukkan perubahan di dalam kuantiti diminta manakala Rajah 2 menunjukkan perubahan permintaan.
- Rajah 1 berlaku apabila harga barang itu sendiri yang berubah manakala Rajah 2 berlaku disebabkan faktor lain selain perubahan harga barang itu sendiri seperti jenis barang, perubahan dalam citarasa pengguna dan dasar kerajaan (cukai dan subsidi).
- Rajah 1 melibatkan pergerakan titik di atas keluk permintaan yang sama manakala Rajah 2 memperlihatkan peralihan keluk permintaan sama ada ke kiri atau ke kanan.

8. Gambar berikut menunjukkan dua jenis barang dalam ekonomi



- a) Jelaskan perbezaan keanjalan harga permintaan bagi kedua-dua barang tersebut.
- Barang A adalah barang keperluan manakala Barang B ialah barang kehendak
  - Barang A memiliki pekali keanjalan harga permintaan,  $E_d < 1$  manakala Barang B mempunyai pekali keanjalan harga,  $E_d > 1$
  - Peratus perubahan kuantiti Barang A lebih kecil daripada peratus perubahan harga Barang A Manakala, Peratus perubahan kuantiti Barang B lebih besar daripada peratus perubahan harga Barang A
  - Keluk permintaan bagi Barang A landau manakala bagi Barang B curam.
- b) Jelaskan strategi pengeluaran Barang A untuk memaksimumkan jumlah hasil

Firma perlu menaikkan harga barang untuk meningkatkan hasil. Hal ini kerana peratus perubahan kuantiti lebih kecil daripada peratus perubahan harga. Kuantiti diminta kurang responsive terhadap perubahan harga. Perubahan harga yang besar hanya memberikan kesan yang sedikit terhadap kuantiti diminta.


**PERLIS 2023**

9. Terangkan faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan suatu barangan.
- Jenis barang – barang mewah lebih anjal. Peningkatan harga yang sedikit akan mengurangkan kuantiti diminta dengan banyak dibandingkan dengan barang keperluan yang tidak anjal. Apabila harga meingkat, pengguna tetap membeli barang tersebut.
  - Jangka masa – dalam jangka pendek, permintaan barang tak anjal kerana sukar untuk mencari barang pengganti. Dalam jangka Panjang, permintaan barang menjadi anjal kerana senang untuk mendapatkan barang pengganti.
  - Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan – semakin besar bahagian pendapatan boleh guna dibelanjakan. Maka permintaan anjal. Contohnya telefon pintar yang memerlukan perbelanjaan yang besar untuk dimiliki.
  - Bilangan kegunaan – semakin banyak kegunaan suatu barang. Semakin anjal harga permintaan bagi barang itu berbanding dengan barang yang terhad kegunaannya tidak anjal harga permintaanya.
  - Ketahanan barang – barang yang tahan lama, permintaanya anjal. Barang tidak tahan lama, permintaan tak anjal.

10. Jadual 1 di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Penawaran pasaran (unit)	Permintaan pasaran (unit)
10	200	200
30	400	400
50	600	600

a) Lukiskan keluk keseimbangan pasaran barang dengan menggunakan kertas graf yang disediakan.



b) Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan

- Harga keseimbangan: RM 20
- Kuantiti keseimbangan: 300 unit

11. Gambar 1 di bawah merupakan barang yang diminta oleh individu.




Terangkan penentu keanjalan barang tersebut

- Jenis barang – barang itu merupakan barang mewah/ barang kehendak
- Jangka masa – barang itu boleh diguna dalam jangka masa panjang dan pengguna sempat mencari barang pengganti
- Bilangan barang pengganti – barang itu mempunyai banyak barang pengganti
- Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan - barang itu memerlukan nisbah perbelanjaan yang besar
- Ketahanan barang – barang itu barang tahan lama.

KELANTAN 2023

12. Rajah 2 menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan bagi satu barang.



a) Hitung nilai keanjalan penawaran bagi barang tersebut

$$E_s = \frac{\text{peratus perubahan kuantiti}}{\text{peratus perubahan harga}}$$

$$E_s = \left( \frac{180 - 150}{150} \times 100 \right) \div 40$$

$$E_s = 0.5$$

b) Bersetujukah anda bahawa barang tersebut adakag penawaran anjal? Beri alasan.

Tidak setuju kerana kerana penawaran barang tersebut ialah tidak anjal. Pekali keanjalan harga penawaran  $E_s < 1$ . Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti ditawarkan. 1% kenaikan harga menyebabkan kuantiti ditawarkan meningkat sebanyak 0.5%. kauntiti ditawarkan kurang responsif terhadap perubahan harga.

BAB 3: WANG, BANK DAN PENDAPATAN INDIVIDU

PERAK 2023

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Aqel.

Encik Aqel seorang pekerja di Syarikat AQ Berhad. Beliau mempunyai simpanan sebanyak RM 50,000 dalam *akaun simpanan tetap* di Alienze Bank. Di samping itu, beliau juga menyimpan wang sebanyak RM 500 sebulan dalam *akaun simpanan* di bank yang sama.

a) Bandingkan kedua-dua jenis akaun tersebut

Persamaan

- Kedua-duanya merupakan akaun di bank perdagangan yang berperanan yang berperanan menerima deposit
- Kedua-duanya membolehkan masyarakat menyimpan wang mereka di bank perdagangan
- Kedua-duanya bermotifkan keuntungan dan menerima faedah simpanan

Perbezaan

- Pelanggan tidak boleh mengeluarkan wang sebelum tempoh matang daripada akaun simpanan tetap berbanding akaun simpanan dimana pelanggan boleh mengeluarkan wang bila-bila masa.
- Kadar faedah yang dikenakan ke atas akaun simpanan tetap lebih tinggi berbanding kadar faedah yang dikenakan ke atas akaun simpanan.
- Akaun simpanan tetap mempunyai kadar kecairan yang rendah berbanding akaun simpanan
- Jumlah simpanan minimum bagi akaun simpanan tetap lebih tinggi berbanding akaun simpanan.
- Akaun simpanan tetap tidak boleh menggunakan perkhidmatan perbankan internet manakala akaun simpanan menyediakan perkhidmatan perbankan internet.
- Akaun simpanan tetap tidak menyediakan kemudahan pindahan wang (GIRO), bayaran bil, bayaran ansuran dan ATM berbanding akaun simpanan yang membenarkan kemudahan pindahan wang (GIRO), bayaran bil, bayaran ansuran dan ATM

b) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu

Sebahagian besar individu di Malaysia memperoleh pendapatan dalam bentuk upah melalui kerjaya yang diceburi.

Jelaskan jenis pendapatan tersebut


- Upah diperoleh melalui cara bekerja dengan orang lain.
- Upah diterima oleh buruh atas sumbangan tenaga fizikal dan mental.
- Upah dibayar ikut jam, bilangan hari bekerja dan output yang dihasilkan
- Upah berbeza mengikut kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dan risiko
- Upah terdiri daripada upah wang dan upah benar.

2. Maklumat dalam jadual 2 berkaitan dengan pekerjaan penduduk

Tahun	Jenis pekerjaan	
	Bekerja sendiri (buruh '000)	Bekerja dengan orang lain (buruh '000)
2020	2383.0	11554.0
2021	2231.0	11821.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- a) Berdasarkan maklumat tersebut, mengapakah bekerja dengan orang lain menjadi pilihan masyarakat?
- Pendapatan yang tetap setiap setiap bulanan
  - Jaminan pekerjaan
  - Menjamin kedudukan kewangan yang baik pada masa depan
  - Pekerja memperoleh manfaat yang disediakan oleh majikan contohnya cuti bersalin dan bonus tahunan.
  - Pekerja tidak perlu menanggung risiko
  - Mengembangkan prospek kerjaya iaitu berpeluang untuk kenaikan pangkat
- b) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan kaedah pembayaran untuk pembelian barang



**GAMBAR 1**

**GAMBAR 2**

**TUNAI SAHAJA**

**BAYARAN ANSURAN KEDAI**

**RM 1,999**

**RM 169 / BULANAN**

Bezakan kaedah pembayaran tersebut

- Melalui pembayaran secara tunai, pengguna boleh menikmati harga yang lebih murah berbanding pembayaran ansuran kedai, harga lebih mahal.
- Pembayaran secara tunai mendidik pengguna supaya berbelanja dengan berhemah manakala pembayaran ansuran kedai, pengguna akan boros berbelanja
- Melalui pembayaran secara tunai, pengguna mungkin menikmati diskaun tunai berbanding pembayaran ansuran kedai, tiada diskaun tunai diberikan
- Pembayaran secara tunai menuntut pengguna membayar barang tersebut mengikut harga asal sahaja manakala pembayaran ansuran kedai, pengguna perlu membayar lebih dari harga asal.
- Dengan kaedah pembayaran secara tunai, pengguna boleh membuat bayaran penuh dengan menggunakan kad debit atau wang tunai manakala bagi pembayaran secara

ansuran kedai, pengguna perlu membuat bayaran menggunakan kad kredit atau membayar wang tunai secara bulanan

**KEDAH 2023**

3. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang

Wang disimpan untuk kegunaan pada masa kecemasan

- a) Terangkan fungsi wang selain di atas
- Sebagai alat perantaraan pertukaran - wang digunakan untuk menjalankan urus niaga jual beli. Ianya memudahkan urus niaga.
  - Sebagai alat ukuran nilai – setiap barang dan perkhidmatan dinyatakan dalam nilai wang contohnya nilai sebuah buku ialah RM 4.50.
  - Sebagai alat bayaran tertunda – sebahagian urus niaga dalam ekonomi melibatkan bayaran tunai dan ada juga urus niaga yang melibatkan jualan secara hutang atau kredit. Misalnya pembelian kereta dan rumah yang sukar dibeli secara tunai.
- b) Jelaskan kepentingan belanjawan peribadi
- Untuk menangani masalah inflasi
  - Dapat mengawal perbelanjaan harian
  - Membolehkan individu mengutamakan keperluan berbanding kehendak
  - Sebagai pendorong untuk individu menabung
  - Menggalakkan perbelanjaan secara berhemah

**NEGERI SEMBILAN 2023**

4. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pelaburan individu

Pelaburan minimum (RM)	Kadar faedah (%)	Tempoh (bulan)
5,000	2.60	1
1,000 – 5,000	2.75	3
	2.80	12

a) Jelaskan konsep pelaburan tersebut

Pelaburan tersebut ialah simpanan tetao. Ianya dibuar di bank perdagangan contohnya CIMB. Simpanan wang dibuat bagi suatu tempoh masa tertentu yang dipanggil sebagai tempoh matang. Simpanan tersebut dibayar faedah. Semakin lama tempoh simpanan, semakin tinggi pulangan. Ianya adalah pelaburan yang bebas risiko. Tahap kecairan yang tinggi tetapi pulangannya rendah. Simpanan itu diinsuranskan oleh PIDM. Ianya juga boleh dijadikan cagaran untuk membuat pinjaman.

- b) Gambar tersebut berkaitan dengan kaedah pembelian telefon mudah alih secara kredit



- i. Terangkan fitur ekonomi yang terlibat
  - Bayaran pendahuluan (deposit) sebanyak RM 200
  - Kadar faedah sebanyak RM 401 [(175 X 24) + 200 - 3999]
  - Terma dan syarat iaitu tempoh bayaran selama 24 bulan dan 6 bulan tambahan untuk tempoh jaminan
  - Jumlah yang perlu dibayar = deposit + jumlah faedah yang dikenakan
- ii. Mengapakah kaedah pembayaran di atas semakin popular pada masa kini?
  - Boleh membuat bayaran secara ansuran
  - Meringankan beban kewangan pengguna
  - Dapat menikmati barangan dahulu
  - Meningkatkan taraf hidup kerana dapat menikmati barang mewah.
  - Merancang perbelanjaan untuk membuat bayaran ansuran
  - Barang yang boleh dibeli boleh menghasilkan pendapatan.
  - Lebih selamat dan tidak perlu membawa banyak wang tunai

PAHANG 2023

5.

- a) Nuatakan fungsi wang
  - Alat perantaraan pertukaran
  - Alat ukuran nilai
  - Alat bayaran tertunda

- b) Terangkan konsep berikut

Mudharabah

Mudharabah bermaksud perkongsian untung. Bank bertindak sebagai usahawan dan melabur wang pelanggan. Untung dibahagikan antara bank dengan pelanggan mengikut nisbah tertentu. Contohnya 30:70 atau 50:50. Sebarang pelaburan yang bukan disebabkan oleh kecuaiian bank akan ditanggung oleh pelanggan.


Pinjaman bercagar

Pinjaman bercagar ialah satu kemudahan pembiayaan untuk pembelian hartanah contohnya rumah atau tanah. Pinjaman yang dibuat dikenakan faedah. Peminjam boleh membayar balik pinjaman tersebut secara ansuran. Kegagalan peminjam membayar balik akan mengakibatkan harta yang dicagar akan dilelong.

6. Gambar berikut menunjukkan iklan yang terdapat dalam pasaran.



- a) Terangkan fungsi wang dalam iklan tersebut.
- Alat ukuran nilai - wang dapat mengukur/menilai sesuatu barang dalam bentuk harga. Contohnya harga iPhone 14 Pro ialah RM5299
  - Alat bayaran tertunda – wang membolehkan sesuatu pembayaran dilakukan secara ansuran. Pengguna boleh membeli pada masa sekarang dan membuat bayaran pada masa akan datang. Contoh ansuran bagi iPhone 14 Pro RM261 sebulan
  - Alat perantaraan pertukaran - wang digunakan untuk menjalankan urus niaga / jual beli. Contohnya dengan bayaran sebanyak RM 5299 pengguna itu boleh mendapatkan iPhone 14 Pro
- b) Gambar di bawah menunjukkan dua jenis barang dalam pasaran



Bezakan kedua-dua gambar tersebut.

- Gambar 1 ialah barang keperluan manakala Gambar 2 ialah barang kehendak.
- Gambar 1 mesti dipenuhi manakala Gambar 2 tidak semestinya dipenuhi.
- Gambar 1 perlu bagi meneruskan hidup manakala Gambar 2 perlu untuk kehidupan lebih selesa
- Gambar 1 mudah dipenuhi manakala Gambar 2 sukar dipenuhi
- Bilangan bagi Gambar 1 terhad berbanding Gambar 2
- Gambar 2 tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan manakala Gambar 2 dipengaruhi oleh tingkat pendapatan.

- c) Penyediaan belanjawan peribadi setiap bulan merupakan satu langkah yang bijak. Jelaskan.
- Membolehkan individu mendahulukan perkara yang penting
  - Memenuhi barang keperluan sebelum barang
  - Membantu individu menabung
  - Menyimpan sebahagian pendapatan untuk tujuan kecemasan
  - Membantu menyelaras perbelanjaan mengikut pendapatan
  - Memastikan individu tidak membazir / boros berbelanja
  - Mengelakkan individu daripada amalan berhutang
  - Memastikan individu tidak berbelanja melebihi pendapatan

PERLIS 2023

7. Gambar 1 menunjukkan satu kemudahan pembayaran kepada pelanggan



- a) Jelaskan fungsi wang dalam kemudahan pembayaran tersebut.
- Wang sebagai alat perantaraan. Kemudahan pembayaran yang ditunjukkan ialah e-wallet. E-wallet digunakan untuk urusan jual beli barang dan perkhidmatan. E-wallet membolehkan pertukaran pelbagai hala berlaku. Kemudahan ini memudahkan urus niaga dan pengguna tidak perlu lagi beratur Panjang di kaunter. Pengguna juga tidak perlu membawa wang tunai kerana wang tersebut boleh disimpan dalam telefon bimbit.
  - Wang sebagai alat ukuran nilai – wang mengukur nilai barang dan perkhidmatan ditunjukkan oleh harga pada barang dan perkhidmatan tersebut. Contohnya Set KFC diukur nilainya berdasarkan harga yang dinyatakan dan untuk mendoatkan Set KFC tersebut. Pengguna perlu membayarnya.
- b) Maklumat berikut berkaitan dengan penyata pendapatan Encik Rizal

<u>Pendapatan boleh guna</u>	<u>RM 2,500</u>
<u>Makanan dan minuman</u>	<u>RM 900</u>
<u>Ansuran kereta</u>	<u>RM 600</u>
<u>Bil utility</u>	<u>RM 300</u>
<u>Premium insurans</u>	<u>RM 400</u>
<u>Perubatan</u>	<u>RM 200</u>
<u>Hiburan</u>	<u>RM 300</u>

Berikan justifikasi anda terhadap penyata tersebut

Daripada penyata pendapatan Encik Rizal, Didapati bahawa perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna sebanyak RM 200 [RM 2,700 – RM 2,500]. Encik Rizal telah melakukan pembaziran, boros berbelanja dan tidak menabung.

- c) Berikan cadangan penyata belanjawan peribadi yang sistematik agar Encik Rizal boleh mengatasi masalahnya

Perkara	RM	RM
Pendapatan boleh guna		2 500
(-) perbelanjaan		
Makanan dan minuman	600	
Ansuran kereta	600	
Bil utiliti	200	
Premium insurans	400	
Perubatan	100	
Hiburan	100	2000
Baki/tabungan		500

KELANTAN 2023

<b>Halim</b>	: Cikgu, selepas tamat SPM nanti saya mahu membuka akaun simpanan.
<b>Guru</b>	: Bagus Halim. Kamu boleh ke mana-mana bank perdagangan untuk membuka akaun baru. Banyak kelebihan yang akan kamu nikmati nanti.
<b>Halim</b>	: Baik cikgu.

8. Jelaskan kelebihan jenis akaun yang dipilih oleh Halim

Akaun pilihan Halim ialah Akaun Simpanan. Halim boleh menyimpan dalam jumlah yang kecil. Halim diberi buku akaun simpanan. Simpanan dibuat Halim dibayar faedah. Halim boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa menggunakan kad debit dan ATM. Halim juga boleh membayar barang dan perkhidmatan menggunakan kad debit. Halim juga boleh membuat pindahan wang antara bank

**Farisah telah memenangi Cabutan Sijil Simpanan  
Premium BSN sebanyak RM 1 juta.**

9. Jelaskan strategi simpanan lain yang boleh digunakan oleh Farisah dengan wang yang dimenangkannya untuk mengandakan wangnya.

Menyimpan wang itu ke akaun simpanan tetap di bank perdagangan. AKS dibayar faedah yang tinggi oleh bank. Selain itu, Dia juga boleh menyimpan wangnya ke akaun Tabung Haji. Simpanan di akaun Tabung Haji juga dibayar dividen. Dia juga boleh menyimpan wangnya itu ke dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). ASB juga menawarkan dividen ke atas wang yang dilaburkan di dalamnya.

BAB 4: PENGELUARAN

PERAK 2023

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran pen Syarikat Leely pada bulan Jun 2023.

Jumlah pengeluaran: 50,000 unit  
 Harga: RM 5 seunit  
 Kos seunit: RM 3  
 Kos tetap: RM 10,000


- a) Bezakan kos yang wujud dalam pengeluaran pen tersebut
- Kos tetap ialah kos yang perlu dibayar walaupun output sifar manakala kos berubah ialah kos yang tidak perlu dibayar apabila output sifar.
  - Kos tetap bersifat malar pada setiap ingkat output manakala kos berubah berubah secara langsung dengan perubahan output
  - Kos tetap wujud dalam jangka pendek sahaja manakala kos berubah wujud dalam jangka pendek dan panjang.
  - Contoh kos tetap ialah sewa bangunan kilang sementara kos berubah ialah kos upah buruh.
- b) Berdasarkan maklumat yang diberi, hitungkan jumlah keuntungan Syarikat Leely pada bulan Jun.

$$\begin{aligned}
 \text{Untung} &= \text{hasil} - \text{kos} \\
 &= (RM 5.00 \times 50,000 \text{ unit}) - (RM 3.00 \times 50,000 \text{ unit}) \\
 &= RM 100,000/\text{untung}
 \end{aligned}$$

- c) Kelancaran operasi firma dipengaruhi oleh perkembangan produktiviti buruh. Jelaskan Buruh produktif mampu menghasilkan output yang lebih tinggi. Produktiviti dapat menjimatkan kos dan mengurangkan pembaziran. Buruh yang produktif mampu meningkatkan kualiti barang yang seterusnya boleh menjana keuntungan kepada firma. Daya saing firma meningkat. Firma boleh meneruskan operasi seperti biasa.

NEGERI SEMBILAN 2023

2. Gambar berikut menunjukkan dua jenis input dalam proses pengeluaran



Gambar 1



Gambar 2

Bandingkan kedua-dua input tersebut.

- Kedua-duanya wujud dalam jangka pendek dan digunakan dalam proses pengeluaran
- Gambar 1 merupakan input tetap manakala Gambar 2 merupakan input berubah
- Kuantiti tetap pada setiap output bagi Gambar 1 manakala untuk Gambar 2 kuantiti berubah secara langsung mengikut tingkat output.
- Gambar 1 tetap wujud walaupun tingkat output sifar manakala Gambar 2 tidak wujud pada output sifar

**TERENGGANU / PERLIS 2023**

3. Jadual 3 menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma

Buruh	Jumlah keluaran (TP) (unit)	Keluaran Purata (AP) (unit)	Keluaran Marginal (MP) (unit)
0	0	0	-
1	6	6	6
2	14	7	8
3	24	8	X
4	32	8	8
5	37	Y	5
6	41	6.83	4
7	44	6.28	3
8	46	5.75	2
9	46	4.5	0
10	45	4.5	-1

a) Hitungkan nilai X dan Y

$$\begin{array}{l}
 X = \text{keluaran purata, AP} = \frac{\text{jumlah keluaran}}{\text{buruh}} \\
 = \frac{37}{5} \\
 X = 7.4 \text{ unit}
 \end{array}
 \quad \Bigg| \quad
 \begin{array}{l}
 Y = \text{keluaran marginal, MP} \\
 = \frac{\text{perubahan jumlah keluaran}}{\text{perubahan buruh}} \\
 = \frac{24 - 14}{3 - 2} \\
 Y = 10 \text{ unit}
 \end{array}$$

b) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran yang paling cekap?. Jelaskan

Buruh ke 4 -9. Pada bilangan buruh tersebut, berlaku hukum pulangan berkurang iaitu jumlah keluaran bertambah dengan kadar yang perlahan. Jumlah keluaran meningkat dari 32 unit kepada 46 unit. Jumlah keluaran mencapai nilai maksimum pada buruh ke-9. Keluaran purata positif.

c) Jelaskan konsep kos sosial.

Kos sosial ialah kos kepada pihak ketiga selain pengguna dan pengeluar. Kos sosial = kos peribadi + kos luaran. Kos peribadi ialah kos nyata sesebuah firma, individu dan Kerajaan. Contohnya harga kereta, cukai jalan, kos pembelian kereta. Kos luaran pula

ialah kesan sampingan negative atas penggunaan barang ke atas pihak ketiga. Contohnya pencemaran alam sekitar dan kesesakan lalu lintas.

**KELANTAN 2023**

4. Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi produktiviti sesebuah firma
  - Tenaga manusia – Kemahiran dan motivasi tenaga manusia akan meningkatkan produktiviti firma
  - Sistem dan prosedur – kecekapan sistem dan prosedur dapat meningkatkan produktiviti firma
  - Struktur organisasi – struktur organisasi yang efektif meningkatkan produktiviti firma
  - Gaya kepimpinan – kepimpinan yang cekap meningkatkan produktiviti firma
  - Persekitaran kerja – susun atur dari kemudahan tempat kerja meningkatkan produktiviti firma
  - Teknologi – kecanggihan teknologi dan peralatan moden merangsang peningkatan produktiviti firma

**KEDAH 2023**

5. Jadual 2 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma dalam jangka pendek

Keluaran	Jumlah kos (TC) (RM)	Kos Purata (AC) (rm)	Kos Marginal (MC) (RM)
0	240	-	-
1	290	290	50
2	330	Y	40
3	350	116.7	20
4	380	95	30
5	450	90	Z
6	560	93.3	110

a) Berapakah Y dan Z

$$\begin{aligned}
 X = \text{kos purata, } AP &= \frac{\text{jumlah kos}}{\text{keluaran}} \\
 &= \frac{330}{2} \\
 X &= \text{RM } 165
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 Y = \text{kos marginal, } MP &= \frac{\text{perubahan jumlah kos}}{\text{perubahan keluaran}} \\
 &= \frac{450 - 380}{5 - 4} \\
 Y &= \text{RM } 70
 \end{aligned}$$

b) Jelaskan hubungan

- i. Jumlah output dengan kos purata
  - Pada keluaran 0-5 kos purata menurun
  - Keluaran ke-6, kos purata meningkat
- iii. Jumlah output dengan kos marginal
  - Keluaran 0-3, kos marginal menurun
  - Keluaran 6, kos marginal meningkat

**PAHANG 2023**

6. Maklumat berikut berkaitan satu perkembangan terkini dalam ekonomi

Dalam era kemajuan teknologi yang pesat, Kecerdasan Buatan (AI) dapat meningkatkan rproduktiviti dan menjadi penggerak pertumbuhan ekonomi

Sumber: Bernama, 23 Mei 2023.

a) Keadaan tersebut membawa kepada masalah pengangguran. Adakah anda bersetuju.

Setuju		Tidak Setuju
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Robot akan mengambil alih tugas manusia</li> <li>▪ Firma dapat menjimatkan kos pengeluaran</li> <li>▪ Tidak perlu membayar faedah sampingan kepada pekerja</li> </ul>	<i>atau</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Robot mahal</li> <li>▪ Kos selenggara yang tinggi</li> <li>▪ Kurang kepakaran dalam mengendalikannya</li> </ul>

b) Jadual berikut berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka masa pendek sebuah firma

Keluaran	Jumlah kos (TC) (RM)	Kos Purata (AC) (rm)	Kos Marginal (MC) (RM)
0	100	-	-
1	150	150	50
2	190	95	Y
3	210	70	20
4	240	X	30
5	310	62	70
6	420	70	110

i. Hitung nilai X dan Y

$$\begin{aligned}
 X = \text{kos purata, AP} &= \frac{\text{jumlah kos}}{\text{keluaran}} \\
 &= \frac{240}{4} \\
 X &= \text{RM } 60
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 Y = \text{kos marginal, MP} &= \frac{\text{perubahan jumlah kos}}{\text{perubahan keluaran}} \\
 &= \frac{190 - 150}{2 - 1} \\
 Y &= \text{RM } 40
 \end{aligned}$$

ii. Berdasarkan jadual tersebut. Jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal pada output 1 hingga 3 unit.

Pada keluaran 0 – 3 unit. Kos purata (AP) menurun dan kos marginal menurun. Kos marginal mencapai tahap minimum pada output ke-3

**JOHOR 2023**

Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Air Balang Kak Rahmah pada bulan Januari 2023

• Jumlah pengeluaran	3,000 unit
• Harga seunit	RM 3.00
• Kos seunit	RM 2.00

Berapakah jumlah hasil pengeluaran tersebut.

$$\text{Hasil} = \text{keluaran} \times \text{harga} = 3,000 \text{ unit} \times \text{RM } 3.00 = \text{RM } 9,000$$

Hitungkan untung yang diperolehi

$$\begin{aligned}
 \text{Untung} &= \text{hasil} - \text{kos} \\
 &= \text{RM } 9,000 - (3,000 \text{ unit} \times \text{RM } 2.00) \\
 &= \text{RM } 3,000
 \end{aligned}$$

Pada bulan Jun 2023 berlaku kenaikan kos pengeluaran yang menyebabkan kos seunit meningkat.

Pada pendapat anda, bagaimanakah Kak Rahmah boleh mengekalkan keuntungannya.

- Menjual pada harga yang lebih tinggi
- Meningkatkan kuantiti pengeluaran
- Meningkatkan promosi
- Mempelbagai jenis air balang
- Mempelbagaikan jualan barang lain selain air balang
- Mengurangkan kos dengan cara mencari dan membeli bahan input yang lebih murah

**PERLIS 2023**

7. Jadual 2 berkaitan dengan fungsi pengeluaran jangka pendek Syarikat Dadidu

Mesin (unit)	Buruh (orang)	Jumlah keluaran (TP) (unit)	Keluaran Purata (AP) (unit)	Keluaran Marginal (MP) (unit)
2	0	0	-	-
2	1	10	10	10
2	2	22	11	12
2	3	33	11	11
2	4	42	10.5	9
2	5	47	9.4	5
2	6	49	8.17	2
2	7	49	7	0
2	8	46	5.75	-3

a) Jelaskan tahap pengeluaran paling cekap bagi firma tersebut

Tahap pengeluaran paling cekap ialah pada penggunaan buruh ke 3 hingga 7. Ini adalah tahap kedua dalam hukum pulangan berkurang. Jumlah keluaran bertambah dengan kadar perlahan. Jumlah keluaran meningkat dari 33 unit kepada 49 unit. Jumlah keluaran mencapai nilai maksimum pada penggunaan buruh ke-7. Keluaran purata positif. Nilai keluaran purata lebih besar dari keluaran marginal. Gabungan input tetap dan input berubah adalah paling cekap.

**NEGERI SEMBILAN 2023**

8. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu projek Pembangunan

Projek tambakan laut di Pulau Pinang Selatan (PSI) memberi kesan kepada alam Sekitar dan pelbagai hidupan marin di negeri itu serta jirannya Perak Utara, Kedah Selatan dan Selangor

Sumber: Ubah suai <https://www.bharian.com.my>, 28 April 2023

a) Jelaskan kos sosial kesan daripada projek tersebut.

- Hutan paya bakau musnah
- Berlaku hakisan pantai
- Banjir yang disebabkan air pasang besar
- Habitat flora dan fauna terjejas
- Sumber makanan terjejas
- Sumber pendapatan nelayan terjejas
- Keselamatan penduduk terjejas akibat aktiviti keluar masuk kenderaan

9. Gambar di bawah menunjukkan aktiviti pembinaan landasan kereta api



- a) Jelaskan kos sosial yang dihadapi oleh masyarakat sekitar.
- Pencemaran alam sekitar
  - Kemusnahan habitat flora dan fauna
  - Ekosistem terjejas dan mengganggu rantai makanan
  - Kesihatan penduduk sekitar terjejas dengan masalah asma, sesak nafas dan batuk. Penduduk sekitar terpaksa menanggung kos rawatan yang tinggi dan ini akan mengurangkan tabungan mereka.

10. Gambar menunjukkan satu projek Pembangunan



Jelaskan faedah sosial kesan daripada projek tersebut.

- Mewujudkan limpahan ekonomi
- Meningkatkan peluang pekerjaan kepada masyarakat
- Meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan
- Menjimatkan kos dan masa perjalanan
- Mengurangkan masalah kesesakan jalan raya
- Meningkatkan taraf hidup masyarakat
- Meningkatkan kebajikan masyarakat

BAB 4: EKONOMI DAN KERAJAAN

PERAK 2023

1. Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan dalam mengawal selia firma

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merampas 531 ubat-ubatan, produk kesihatan dan kosmetik tidak berdaftar dianggarkan bernilai RM 152,213 menerusi Ops Majestic yang dijalankan di sekitar ibu negara. Produk tidak berdaftar dengan KKM yang dirampas itu termasuk ubat-ubatan disyaki dengan mengandungi racun disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952.

Dipetik dan diubahsuai daripada hmetro.com.my, 9 Mac 2022

- a) Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk melindungi pengguna daripada situasi di atas.

Kerajaan perlu menguatkuasakan dan menambah baik undang-undang dan peraturan terutama melibatkan pengeluaran dan penjualan produk tersebut. Label kandungan bahan wajib dipaparkan serta bahan yang digunakan mesti selaras dengan Akta Racun 1952. Ini penting bagi memastikan barang itu selamat digunakan. Jika ingkar, Kerajaan menerusi agensi penguatkuasaan bawah KKM hendaklah mengeluarkan kompaun. Jika kesalahan tersebut berulang, KKM mestilah menarik semula lesen dan KPDN boleh menyenarai hitam perniagaan tersebut.

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan dua jenis cukai yang dikenakan kepada masyarakat

Cukai Pendapatan Individu

Cukai Barang dan Perkhidmatan

- i. Cukai manakah yang lebih membebankan golongan berpendapatan rendah? Jelaskan

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana ia merupakan sejenis cukai tak langsung berkadartetap yang bersifat regresif dimana kadarnya rendah apabila pendapatan bertambah. Cukai ini menyebabkan harga barang dan perkhidmatan meningkat. Kuasa beli pengguna menjadi semakin menurun. Golongan berpendapatan rendah menerima beban yang lebih besar berbanding golongan berpendapatan tinggi.

- ii. Jelaskan kepentingan sektor pelancongan dalam mempengaruhi proses globalisasi sesebuah negara.

Sektor pelancongan boleh memacu pertumbuhan ekonomi negara. Kemasukan pelancong asing dapat meningkatkan pengaliran masuk wang ke Malaysia. Pertumbuhan ekonomi yang positif akan menarik lebih ramai pelabur asing ke Malaysia. Imej negara meningkat. Disamping itu, berkembangnya aktiviti pelancongan akan mendorong perkembangan dalam sektor pengangkutan. Misalnya lapangan terbang akan dinaiktaraf dengan pelbagai infrastruktur yang baik demi keselesaan mereka.

2. Maklumar di bawah berkaitan dengan suatu krisis ekonomi di Malaysia

**93 kilang ditutup operasi sejak 2018 hingga 2022, Dewan Rakyat diberitahu**

Dalam tempoh sama, lebih 17,000 pekerja kilang terpaksa diberhentikan

Sumber: Ubah suai Berita Harian, 12 Mac 2023

a) Jelaskan kesan tersebut kepada pekerja yang terlibat.

- Hilang punca pendapatan
- Kuasa beli pekerja jatuh
- Taraf hidup pekerja menurun
- Kadar kemiskinan meningkat.
- Kepuasan tidak dapat dimaksimumkan
- Menjejaskan institusi kekeluargaan – desakan ekonomi menyebabkan rumah tangga bergolak
- Peningkatan kes jenayah seperti ragut dan merompak
- Masalah mental – menimbulkan kemurungan
- Kemahiran yang ada akan merosot dalam jangka panjang jika lama tidak berkerja

b) Rajah 3 berkaitan dengan suatu situasi ekonomi



Bagaimanakah peningkatan kadar faedah atas pinjaman dapat mengatasi situasi ekonomi di atas?

Apabila kadar faedah dinaikkan, Kos pinjaman akan meningkat. Jumlah pinjaman di bank akan jatuh. Bekalan wang dalam paaran juga jatuh. Perbelanjaan penggunaan isi rumah menurun. Permintaan agregat akan jatuh. Pelaburan firma akan merosot. Permintaan agregat jatuh. Harga cenderung untuk menurun. Inflasi terkawal.

3. Gambar 3 berkaitan dengan satu sistem cukai yang pernah dilaksanakan di Malaysia



Jelaskan jenis cukai tersebut

Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berkadar 6%. Ianya merupakan salah satu hasil kerajaan dalam kategori kutipan cukai tak langsung dimana beban cukai boleh dipindahkan kepada pihak lain. Ianya merupakan cukai penggunaan berasaskan konsep nilai tambah. GST bersifat regresif. Beban cukai lebih besar ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah berbanding golongan berpendapatan tinggi. Hasil kutipan GST digunakan untuk membiayai perbelanjaan kerajaan setiap tahun.

**TERENGGANU 2023**

4.

a) Peningkatan kadar inflasi memberi implikasi terhadap kadar faedah. Jelaskan

Bank pusat akan mengarahkan institusi kewangan meningkatkan kadar faedah. Kos pinjaman dan beban kewangan peminjam meningkat. Ini mendorong masyarakat untuk mengurangkan pinjaman kerana kos bayaran balik yang tinggi kesan peningkatan faedah. Kesannya penawaran wang dalam ekonomi akan berkurang. Inflasi dapat dikawal.

b) Terangkan *dua* elemen yang dilibatkan dalam perbelanjaan mengurus

- Emolumen - Emolumen adalah upah yang diberi kerajaan kepada kakitangan awam. Ianya merupakan perbelanjaan terbesar kerajaan
- Bayaran khidmat hutang- Merujuk kepada bayaran balik pinjaman/hutang dalam dan luar negara
- Pencen dan ganjaran - Merupakan bayaran bulanan kepada pesara kerajaan. Ganjaran pula merupakan bayaran sekali sahaja kepada kakitangan awam ketika bersara.
- Pemberian subsidi - Subsidi adalah bayaran kepada pengeluar untuk menurunkan harga barang dan perkhidmatan dalam pasaran.

**KEDAH 2023**

5.

a) Terangkan jenis pengangguran

- Pengangguran berstruktur – berlaku disebabkan oleh perubahan struktur ekonomi sesebuah negara. Perubahan struktur ekonomi adalah disebabkan oleh masalah yang timbul akibat kebergantungan ekonomi negara kepada sektor utama. Pembangunan ekonomi membawa kepada perubahan dalam struktur ekonomi daripada sektor utama kepada sektor kedua yang melibatkan penggunaan banyak automasi dan jentera menyebabkan penggunaan buruh yang berkurang dan mengakibatkan banyak pengangguran.
- Pengangguran kitaran - berlaku apabila keadaan ekonomi yang lembap. Pengurangan dalam permintaan agregat menyebabkan pengurangan dalam pengeluaran dan penggunaan buruh terpaksa dikurangkan.
- Pengangguran geseran – keadaan dimana tenaga buruh tidak bekerja dalam sesuatu jangka masa apabila berlaku perpindahan pekerjaan. Ini kerana pekerja kurang mendapat maklumat tentang peluang pekerjaan pekerja yang terdapat di pasaran.

b) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar cukai

Kadar cukai semakin tinggi apabila cukai bertambah

i. Namakan bentuk kadar cukai tersebut

Cukai progresif

ii. Jelaskan kadar cukai tersebut kepada pendapatan individu

- Pendapatan boleh guna berkurang
- Kuasa beli individu berkurang
- Tabungan berkurang
- Sukar memenuhi barang kehendak
- Kepuasan tidak dapat dimaksimumkan

**NEGERI SEMBILAN 2023**

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tempoh tiga tahun

Tahun	2019	2020	2021
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (billion)	1424.3	1343.9	1386.7

a) Tentukan arah aliran KDNK Malaysia bagi 2019 hingga 2021 dan justifikasikan.

Arah aliran KDNK turun dan naik. KDNK menurun dari tahun 2019 hingga tahun 2020 iaitu dari RM 1424.3 bilion kepada RM 1343.9 bilion kemudian meningkat semula kepada RM 1343.9 bilion pada tahun 2021. Pada 2020, berlaku kemelesetan ekonomi. Kadar pertumbuhan ekonomi ialah -5.64% disebabkan pandemik Covid-19. Sekatan pergerakan dan banyak perniagaan yang tutup operasi. Ini menyebabkan pengangguran meningkat serta penurunan dalam permintaan dan penawaran barang dan perkhidmatan.

b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan

Bank Negara Malaysia (BNM) telah bertindak menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) daripada 2.75% kepada 3.00%

Sumber: Ubah suai <https://www.bharian.com.my>, 4 Mei 2023

Jelaskan kesan tindakan tersebut kepada firma

Kenaikan OPR akan meningkatkan kos pinjaman. Jumlah pinjaman berkurang. Modal kewangan firma menjadi terhad. Pelaburan kurang memasuki pasaran. Produktiviti dan daya saing berkurang. Ini menyebabkan pengeluaran berkurang seterusnya mengurangkan permintaan agregat. Jumlah jualan dan keuntungan merosot. Bekalan wang dalam ekonomi berkurang seterusnya menurunkan kadar inflasi.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pengangguran

Seramai 4.5 juta rakyat Malaysia berkemungkinan hilang pekerjaan menjelang 2030 kerana hilang Kemahiran dan tidak melakukan Latihan semula (*upskilling*).

Sumber: Ubah suai <https://www.bharian.com.my>, 26 Jun 2023

a) Huraikan mengenai pengangguran tersebut

Pengangguran Berstruktur. Pengangguran jenis ini berlaku disebabkan oleh perubahan struktur ekonomi. Perubahan struktur ekonomi adalah disebabkan oleh masalah yang timbul akibat kebergantungan ekonomi negara kepada sektor utama. Pembangunan ekonomi membawa kepada perubahan dalam struktur ekonomi daripada sektor utama kepada sektor kedua yang melibatkan penggunaan banyak automasi dan jentera menyebabkan penggunaan buruh yang berkurang dan mengakibatkan banyak pengangguran.

b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis perbelanjaan kerajaan

Pembinaan Hospital Rawang menjadi penanda aras sektor penjagaan kesihatan dalam negara dan bakal memberi manfaat kepada hampir 800 000 penduduk Rawang dan sekitarnya

Huraikan jenis perbelanjaan tersebut

Jenis perbelanjaan kerajaan tersebut ialah Perbelanjaan Pembangunan. Ianya adalah perbelanjaan pelaburan Kerajaan dalam projek pembangunan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan pembentukan modal negara, guna tenaga dan pendapatan negara. Perbelanjaan ini dapat meningkatkan taraf hidup dan Kebajikan rakyat

8. Gambar 4 menunjukkan kesan yang dilakukan oleh firma



- a) Jelaskan peranan kerajaan bagi mengatasi kesan tersebut.
- Menguatkuasa undang-undang dan peraturan seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Direalisasi melalui pengenaan kompaun tinggi dan penjara bagi tempoh yang lama. Kerajaan juga boleh menghadkan pemberian lesen kepada firma dan menarik balik lesen operasi firm ajika gagal mematuhi undang-undang
  - Menentukan kawasan perindustrian/ perumahan/ industri berat/ industri ringan
  - Melakukan pemantauan dari masa ke semasa
  - Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perniagaan atau sektor ekonomi
  - Memberi subsidi untuk firma mengamalkan kaedah pengeluaran mesra alam
  - Memperkenalkan cukai atas pengeluaran barang yang mencemarkan alam sekitar

- b) Jelaskan tujuan Indeks Harga Pengguna (IHP) digunakan

IHP digunakan untuk mengkaji perubahan tingkat harga umum dalam ekonomi. IHP digunakan untuk menunjukkan kos sara hidup masyarakat. IHP mengukur kadar inflasi menerusi perubahan harga purata sekumpulan barang dan perkhidmatan yang terpilih dalam ekonomi. IHP digunakan untuk melihat perbandingan harga dari semasa ke semasa

BAB 4: MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

PERAK 2023

1. Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Australia (AUD) berbanding Ringgit Malaysia (RM) bagi tempoh dua tahun.

Kadar pertukaran	Okt 2021	Okt 2022
RM bagi seunit USD	3.80	3.07

Dipetik daripada [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

- a) Bagaimanakah kadar pertukaran pada bulan Oktober 2021 ditentukan dalam pasaran pertukaran asing?

Kadar pertukaran asing ditentukan melalui permintaan dan penawaran. Permintaan RM berlaku apabila negara Australia mengimport barang dan perkhidmatan dari Malaysia. Penawaran RM berlaku apabila Malaysia mengimport barang dan perkhidmatan Australia. Kadar pertukaran ditentukan apabila permintaan RM = penawaran RM. Contohnya 1AUD = RM 3.80. Jika permintaan RM > penawaran RM maka berlaku lebih permintaan RM. Nilai RM akan naik. Jika permintaan RM < penawaran RM maka berlaku lebih penawaran RM. Nilai RM akan jatuh.

- b) Jelaskan kesan terhadap eksport dan import Malaysia apabila kadar pertukaran berubah pada tahun 2022.
- Nilai RM meningkat berbanding Dollar Australia. Harga barang eksport Malaysia akan menjadi mahal. Nilai eksport Malaysia akan jatuh
  - Harga barang import dari Australia murah. Nilai import dari Australia meningkat. Nilai import > nilai eksport menghasilkan imbalan dagangan negatif.

TERENGGANU 2023

2. Jadual 4 berkaitan dengan imbalan akaun semasa pada suku kedua tahun 2023

Butiran	RM (bilion)
Akaun barangan	29.5
Akaun perkhidmatan	-11.3
Pendapatan primer	-6.3
Pendapatan sekunder	-2.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023

- a) Tentukan jenis imbalan akaun tersebut

Akaun semasa positif / lebih akaun semasa / akaun semasa surplus sebanyak RM 9.1 bilion

- b) Jelaskan kesan imbangan akaun semasa di 2(a)(i) terhadap ekonomi negara.
- Peningkatan dalam pendapatan negara – surplus dalam akaun semasa menunjukkan permintaan eksport barang dan perkhidmatan. Pengeluaran barang dan perkhidmatan meningkat dalam negara
  - Peningkatan guna tenaga – eksport akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada tenaga buruh seterusnya mengurangkan kadar pengangguran. Masyarakat akan menikmati taraf hidup yang lebih baik dengan adanya pekerjaan. Upah yang diperoleh meningkatkan kuasa beli masyarakat
  - Peningkatan kadar pertukaran asing – peningkatan eksport mendorong kepada peningkatan terhadap permintaan Ringgit Malaysia dan seterusnya menaikkan nilai Ringgit Malaysia.
- c) Maklumar berikut berkaitan dengan kadar tukaran asing Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia

Tarikh	Kadar Pertukaran Asing
28 April 2023	USD 1 = RM 4.4620
31 Mei 2023	USD 1 = RM 4.6070

Pengimport Malaysia membeli mesin bernilai USD 350,000 dari Amerika Syarikat pada bulan April 2023 tetapi pembayaran dibuat pada bulan berikutnya.

- i. Hitung jumlah bayaran balik yang perlu dibuat oleh pengimport tersebut

Pada 31 Mei 2023, USD 1 = RM 4.6070

$$USD\ 1 = RM\ 4.6070$$

$$USD\ 350,000 = RM\ x$$

$$RM\ x = USD\ 350,000 \times 4.6070$$


$$RM\ x = 1,612,450.00$$

Jadi pengimport Malaysia perlu membayar sebanyak RM 1,612,450.00

- ii. Berikan justifikasi berdasarkan jawapan anda di 2(c)(ii)

Pembelian tersebut menghasilkan untung. Harga barang import menjadi lebih murah. Kadar bayaran akan menjadi lebih rendah. Pengimport Malaysia membuat bayaran kurang sebanyak RM 4,550 [RM 1,717,000 – RM 1,612,450]. Kemampuan pengimport Malaysia telah meningkat.

d) Maklumat berikut berkaitan sebuah syarikat di Malaysia.

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beroperasi di Asia dalam bidang telekomunikasi</li> <li>• Menggaji hampir 30 000 pekerja</li> </ul>
---	--

i. Apakah ciri-ciri syarikat di atas

Syarikat ini merupakan sebuah firma besar dan stabil yang mempunyai cawangan di serata negara di dunia. Kemasukannya membolehkan pemindahan teknologi berlaku antara cawangan. Cawangan firma dikawal oleh firma induk yang berpusat di luar negara.

ii. Terangkan faktor yang mendorong syarikat tersebut beroperasi di Asia

- Meluaskan pasaran – peluasan pasaran Syarikat ini di Malaysia membantu memaksimumkan keuntungan mereka akibat permintaan tinggi perkhidmatan telekomunikasi dari pelbagai sektor ekonomi.
- Perlindungan perdagangan – Syarikat ini menikmati perlindungan dari pelbagai bentuk sekatan perdagangan dan cukai.
- Tenaga buruh berkemahiran khusus – tenaga buruh pakar yang ada di Malaysia berpotensi dimanfaatkan sebagai tenaga buruh yang produktif kepada mereka yang mana dengan mengupah buruh-buruh ini. Kos yang ditanggung rendah.

e) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Pound Sterling (GBP);

GBP 1	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
	5.8371	6.0567

i. Bezakan antara harga belian dengan harga jualan mata wang

Harga belian ialah harga bank membeli mata wang asing dengan menukar mata wang tempatan manakala harga jualan ialah harga bank menjual mata wang asing untuk mendapatkan mata wang tempatan.

ii. Hitungkan jumlah yang perlu dibayar dalam sebutan Pound Sterling (GBP) jika firma dari Malaysia membeli sebuah mesin dari Britain yang berharga RM 200,000.

$$GBR 1 = RM 6.0567$$

$$GBR x = RM 300,000$$

$$RM 300,000 = GBR x \times 6.0567$$

$$GBR x = \frac{300,000}{6.0567} = GBP 33\ 021.28$$

3.

a) Berikan maksud pelaburan langsung asing (FDI).

FDI merupakan pelaburan yang dibuat oleh firma atau individu dari luar negara untuk memulakan operasi perniagaan.

b) Bagaimana pelaburan langsung asing (FDI) boleh dilakukan?

FDI dilakukan dengan cara membina kemudahan pengeluaran di negara lain, pengambilalihan Syarikat asing, usaha sama dengan Syarikat tempatan dan membuka subsidiari.

c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 28 tan metrik daging kerbau sejuk beku dari India kerana maklumat pada sijil halal dan sijil Kesihatan yang dikeluarkan dari negara pengeksport berbeza.

Sumber: Utusan Malsyia, 15 Oktober 2022

i. Nyatakan jensi sekatan perdagangan tersebut

Sekatan bukan ekonomi

ii. Sekatan di (c)(i) memberi kelebihan kepada rakyat Malaysia. Jelaskan

Sekatan bukan ekonomi biasanya melibatkan sekatan dalam bentuk undang-undang, peraturan dan syarat-syarat tertentu. Sekatan ini menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat. Sekatan ini mengurangkan penawaran barang import. Harga barang import secara relatif lebih mahal berbanding dengan barang keluaran tempatan. Ini secara langsung mengurangkan permintaan terhadap barang import manakala permintaan terhadap barang keluaran tempatan pula yang meningkat. Keadaan ini akan menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan baru kepada penganggur tempatan yang ada. Pendapatan negara juga akan meningkat.

4. Huraikan implikasi lebihan akaun semasa

Lebihan akaun semasa ialah jumlah penerimaan kewangan lebih besar daripada jumlah pembayaran kewangan. Keadaan ini menghasilkan lebihan imbalan pembayaran yang seterusnya dapat meningkatkan pendapatan negara. Jumlah eksport juga akan meningkat. Peluang pekerjaan lebih banyak dapat dicipta dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran. Taraf hidup masyarakat akan meningkat susulan peningkatan pendapatan negara dan peningkatan dalam kuasa beli masyarakat. Lebihan akaun semasa juga akan meningkatkan nilai Ringgit Malaysia.

5. Maklumat berikut berkaitan Syarikat Multinasional

**Infineon umum tambah pelaburan di Kedah**

Berlin: Penyediaan penyelesaian semikonduktor dari Jerman. Infineon akan meningkatkan pelaburan bagi kemudahan di Kulim, Kedah. Tindakan yang dibuat ini bagi menjamin kedudukan Syarikat sebagai peneraju dalam pasaran dunia.

Dipetik dan diubahsuai daripada [www.bharian.com](http://www.bharian.com)

- a) Jelaskan kesan tindakan tersebut.
- Membenarkan pemindahan teknologi
  - Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan
  - Meningkatkan modal pelaburan
  - Mewujudkan hubungan baik antara rakan dagang
  - Meningkatkan pendapatan negara melalui kutipan cukai keuntungan Syarikat
  - Meningkatkan keluaran dalam negara kasar KDNK
- b) Jelaskan penentu permintaan mata wang ringgit Malaysia (RM)
- Peningkatan dalam jumlah eksport – Jumlah eksport yang meningkat mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap RM.
  - Peningkatan kadar faedah simpanan dalam negara – kadar faedah simpanan dalam negara meningkat. Permintaan terhadap RM juga turut meningkat.
  - Citarasa pengguna luar negara – citarasa pengguna luar negara terhadap barangan Malaysia meningkat. Maka permintaan terhadap RM juga turut meningkat
  - Jangkaan nilai RM masa depan – jika RM meningkat kadar tukaraanya pada masa depan. Maka permintaan terhadap RM juga turut meningkat.
  - Kemasukan pelaburan langsung asing, FDI – kebanjiran pelabur asing yang membawa modal dalam sebutan mata wang negara mereka akan meningkatkan permintaan terhadap RM

6. Maklumat di bawah berkaitan bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

Harga kereta import lebih mahal berbanding kereta buatan Malaysia

- a) Nyatakan bentuk sekatan tersebut.

Tarif/duti import/cukai

- b) Jelaskan tujuan di c (i) dilaksanakan

- Melindungi industri muda tempatan
- Dapat mengurangkan persaingan dengan barangan tempatan
- Sebagai sumber pendapatan kerajaan
- Membolehkan industri muda tempatan berkembang maju
- Melakukan pengeluaran secara besar-besaran/menikmati kos pengeluaran seunit lebih rendah
- Menggalakkan barang keluaran tempatan ke luar negara
- Menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan
- Membaiki imbalan pembayaran
- Mengatasi lambakan kereta import dalam negara

- c) Maklumat di bawah berkaitan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dollar Sing:

31 Mac 2023	SGD 1 = RM 3.31
31 Ogos 2023	SGD 1 = RM 3.43

Sumber: <https://www.ringgit365.com/Dolar-Singapura/2023>

- i. Seorang pengeksport Malaysia telah menjual barang ke Singapura pada harga RM 45 000. Hitung jumlah yang diterima oleh pengimport Singapura pada Mac 2023.

$$SGD 1 = RM 3.31$$

$$SGD x = RM 45,000$$

$$RM 45,000 = SGD x \times 3.31$$

$$SGD x = \frac{45,000}{3.31} = RM 13,595.1662$$

- ii. Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran pada 31 Ogos 2023 terhadap imbalan dagangan negara.

Nilai RM jatuh. Harga eksport murah. Permintaan eksport meningkat. Jumlah eksport meningkat. Harga import mahal. Permintaan import menurun. Jumlah import berkurang. Nilai eksport melebihi nilai import seterusnya menghasilkan imbalan dagangan positif.

7. Jadual 4 menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Baht Thailand (THB) berbanding Ringgit Malaysia (RM) bagi tempoh 3 tahun

Kadar Pertukaran			
	<u>2021</u>	<u>2022</u>	<u>2023</u>
RM bagi seunit THB	7.7180	7.9603	7.5539

Sumber: <https://www.exchange-rate.org/my/pertukaran/myr-thb>

- a) Tentukan arah aliran kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Baht Thailand (THB) di Jadual 4.

Kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Baht Thailand (THB) menunjukkan turun dan naik. Misalnya Pada 2022, RM turun daripada 7.7180 (tahun 2021) kepada 7.9603 berbanding 1THB kemudian naik semula kepada 7.5539 berbanding 1THB pada 2023.

- b) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) pada tahun 2023 terhadap barang import dan eksport Malaysia

Pada 2023, Ringgit Malaysia (RM) didapati meningkat nilainya. Ini menyebabkan harga barang import secara relatif lebih murah dan pengimport Malaysia akan membuat bayaran yang lebih rendah. Dalam pada masa yang sama, Harga eksport barang keluaran Malaysia lebih mahal dan pengimport akan membeli barang dan perkhidmatan dari Malaysia. Ini mewujudkan kenaikan pada nilai import dan nilai eksport jatuh kerana pengimport kurang. Ini akan mewujudkan imbalan dagangan negatif.